

Headline	Kontrak Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan SPNB disambung		
MediaTitle	Utusan Borneo Sabah		
Date	05 Nov 2017	Color	Full Color
Section	Supplements	Circulation	45,554
Page No	B9	Readership	136,662
Language	Malay	ArticleSize	138 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 485
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 1,455



## Kontrak Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan SPNB disambung

**KUALA LUMPUR:** Kontrak Datuk Ahmad Azizi Ali sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Syarikat Perumahan Negara Bhd (SPNB) yang berakhir pada tahun ini akan dilanjutkan dua tahun lagi dan berakhir pada 6 Dis, 2019.

Dalam kenyataan semalam, SPNB berkata lanjutan kontrak itu telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan.

SPNB ialah syarikat milik Menteri Kewangan Diperbadankan yang ditubuhkan pada 21 Ogos 1997, bagi memastikan penyediaan rumah mampu milik berkualiti dan mampan kepada setiap keluarga di Malaysia sejajar

dengan Objektif Perumahan Negara.

Dalam tempoh dua tahun sebelum ini, Ahmad Azizi telah memacu transformasi SPNB dengan mengutamakan pencapaian kewangan tanpa mengetepikan aspek kecekapan dan ketepatan dalam membuat keputusan dalam proses perniagaan yang lain.

“Fokus utama beliau ialah memantapkan strategi proses perniagaan yang memberi kesan secara terus kepada kedudukan kewangan syarikat seperti aktiviti jualan dan kutipan.

“Hasilnya, nilai jualan Rumah Aspirasi Rakyat dan

Rumah Idaman Rakyat untuk suku kedua tahun 2017 meningkat sebanyak 353 peratus berbanding suku kedua tahun 2016,” kata SPNB.

Katanya penyambungan kontrak Ahmad Azizi akan membolehkan beliau meneruskan perancangan perniagaan yang telah diatur di bawah anak-anak syarikat SPNB.

Ini termasuk yang terbaharu diumumkan pada pembentangan Bajet 2018 iaitu pembinaan 20,000 unit Rumah Generasi Kedua FELDA RMR-FELDA untuk generasi baharu FELDA. — Bernama